

**SEJARAH PENDIDIKAN BAHASA
KADAZANDUSUN, 1994-2018**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

**SEJARAH PENDIDIKAN BAHASA
KADAZANDUSUN, 1994-2018**

LINAH BAGU @ SITI NURLINA ABDULLAH



UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

PENGAKUAN

Kajian yang bertajuk Sejarah Pendidikan Bahasa Kadazandusun, 1994 – 2018 adalah hasil kerja saya sendiri kecuali segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya perelaskan sumbernya.

25 September 2023

Linah Bagu @ Siti Nurlina Abdullah
DA1821038T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **LINAH BAGU @ SITI NURLINA ABDULLAH**
NO. MATRIK : **DA1821038T**
TAJUK : **SEJARAH PENDIDIKAN BAHASA KADAZANDUSUN,
1994-2018**
IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH KEMANUSIAAN**
BIDANG : **SEJARAH**
TARIKH VIVA : **25 SEPTEMBER 2023**

DISAHKAN OLEH;



1. PENYELIA UTAMA

Prof. Madya Dr. Bilcher Bala

2. PENYELIA BERSAMA

Prof. Madya Dr. Jane Wong Kon Ling

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya, akhirnya saya dapat menyiapkan tesis ini dengan sempurna mengikut ketetapan dan tempoh masanya. Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia utama, Prof. Madya Dr. Bilcher Bala dan penyelia bersama, Prof. Madya Dr. Jane Wong Kon Ling atas tunjuk ajar, kesungguhan, kesabaran dan motivasi dalam membimbing saya menyiapkan tesis ini dengan lancar.

Terima kasih kepada Pusat Pascasiswazah dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) yang memberikan saya peluang untuk menimba ilmu dan pengalaman sebagai seorang pelajar dewasa. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak IPG Kampus Kent Tuaran, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Arkib Negeri Sabah, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Tun Fuad Stephen Yayasan Sabah, Yayasan Bahasa Kadazandusun (KLF), Kadazandusun Cultural Association (KDCA) United Sabah Dusun Association (USDA) kerana membantu saya mendapatkan bahan rujukan berkaitan untuk menyiapkan tesis ini.

Teristimewa buat kedua-dua anak yang dikasihi, Natraya Nur Aliya Mustapha dan Muhammad Najib Mustapha, terima kasih atas pengertian, motivasi dan sokongan berterusan. Terima kasih juga kepada semua adik beradik, ahli keluarga khususnya Arwah mama dan Arwah suami yang telah pergi menghadap Ilahi sewaktu pandemik Covid-19 melanda dunia. Terima kasih juga kepada semua informan yang telah membekalkan maklumat yang diperlukan dalam menyiapkan tesis ini khususnya YBhg. Tan Sri Joseph Pairin Datuk Kitingan, YBhg. Tan Sri Bernard Giluk Dompok, YB. Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, YB. Datuk Jahid Jahim, Puan Rita Lasimbang, Dr. Benedict Topin, Puan Sitiamah Hj. Sahat, Dr. Minah Sintian, Dr. Rosliah Kiting, Datin Dr. Veronica P. Atin, Dr. Saimin Ginsari, Encik James Geofferey W. Molijoh, Encik Victor Baga, Cikgu Saffleh Sapin, Cikgu Lily Bogu, Cikgu Noumi Mazlinda Jali, Cikgu Evlina Philimon, Cikgu Priscilla Gukim serta semua pensyarah, guru, pelajar dan individu yang telah membantu saya dalam menyiapkan tesis ini.

Akhir kalam, saya amat menghargai nikmat menuntut ilmu dalam bidang Doktor Falsafah di Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang sangat bermakna dan pastinya menjadi memori paling indah dalam catatan sejarah kehidupan saya.

Linah Bagu @ Siti Nurlina Abdullah
25 September 2023

ABSTRAK

Kajian ini memfokus kepada perkembangan Pendidikan Bahasa Kadazandusun (BKD) di Malaysia khususnya di Sabah dari tahun 1994 hingga 2018. Tujuan kajian adalah untuk menelusuri sejarah pelaksanaan pengajaran BKD secara tidak formal dan formal di sekolah rendah, sekolah menengah dan IPT iaitu universiti dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Kajian ini turut meneroka dan menganalisis pencapaian serta kejayaan dalam pengajaran BKD di samping meneliti isu dan cabaran yang dihadapi serta usaha yang telah dilakukan untuk menanganinya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam menjelaskan data daripada sumber primer yang diperolehi daripada arkib dan institusi berkaitan serta sumber sekunder melalui kaedah kepustakaan. Kaedah temu bual juga digunakan untuk mendapatkan data tambahan yang menyokong sumber primer dan sekunder. Dapatan kajian mendapati bahawa pendidikan BKD telah genap 22 tahun dalam naratif pengajaran formal dengan pencapaian yang membanggakan dalam peperiksaan PMR dan SPM di sekolah serta bilangan graduan yang ramai di IPT. Walau bagaimanapun, pendidikan BKD telah melalui pelbagai isu dan cabaran yang telah menggugat kedudukannya sebagai bahasa ibunda/etnik dalam kurikulum kebangsaan. Isu utama yang timbul sejak awal perancangan pengajaran formal BKD di sekolah adalah pemilihan nama bahasa dan dialek piawai BKD. Isu ini telah diselesaikan melalui persefahaman dan permuafakatan dua persatuan utama yang mewakili masyarakat Kadazandusun iaitu *Kadazandusun Cultural Association* (KDCA) dan *United Sabah Dusun Association* (USDA) pada tahun 1995. BKD kini bukan sahaja diajar sebagai satu mata pelajaran dalam kurikulum kebangsaan malah dikembangkan sehingga ke peringkat antarabangsa. Namun demikian, BKD juga menghadapi pelbagai cabaran seperti ketidakseragaman istilah, kelayakan dan kemahiran tenaga pengajar, keupayaan dan kemahiran murid dan pelajar serta kekurangan bahan rujukan yang sesuai. Sebahagian besar cabaran tersebut telah ditangani dengan pelbagai usaha individu dan kumpulan yang terlibat sama ada di sekolah, universiti dan IPGM khususnya IPG Kampus Kent, Tuaran. Kajian tentang bahasa ibunda/etnik ini sangat penting dan berguna kepada pihak berkepentingan yang terlibat dengan perancangan, pelaksanaan dan pembangunan pendidikan BKD untuk mencapai hala tuju yang lebih cemerlang.

Kata Kunci: Dusun, Kadazan, Kadazandusun, Pendidikan Bahasa Kadazandusun, Sabah

ABSTRACT

HISTORY OF KADAZANDUSUN LANGUAGE EDUCATION, 1994 - 2018

This study focuses on the development of Kadazandusun Language (BKD) Education (BKD) in Malaysia, especially in Sabah from 1994 to 2018. The purpose of the study is to trace the history of the informal and formal implementation of BKD teaching in primary schools, secondary schools and institutions of higher learning i.e. universities and the Malaysia Teacher Education Institute (IPGM). This study also explores and analyzes the achievements and successes in teaching BKD in addition to examining the issues and challenges faced and the efforts that have been made to address them. This study uses a qualitative approach in explaining data from primary obtained from archives and related institutions as well as secondary sources through library methods. The interview method is also used to obtain additional data that supports primary and secondary sources. The findings of the study found that BKD education has completed 22 years in the narrative of formal teaching with proud achievements in the PMR and SPM exams at school as well as a large number of graduates in higher education institution. However, BKD education has gone through various issues and challenges that have undermined its position as a mother tongue/ethnic language in the national curriculum. The main issue that has arisen since the beginning of formal BKD teaching planning in schools is the selection of the standard BKD language name and dialect. The issue was resolved through the understanding and consensus of the two main associations representing the Kadazandusun community, the Kadazandusun Cultural Association (KDCA) and the United Sabah Dusun Association (USDA) in 1995. BKD is now not only taught as a subject in the national curriculum but also developed to the international level. Nevertheless, BKD also faces various challenges such as the non-uniformity of terminology, the qualifications and skills of teaching staff, the abilities and skills of pupils and students as well as the lack of appropriate reference materials. Most of the challenges have been addressed with the various efforts of individuals and groups involved either in schools, universities and IPG, especially Kent Campus ITE, Tuaran. This study of the mother tongue/ethnicity is very important and useful to stakeholders involved in the planning, implementation and development of BKD education to achieve a better direction.

Keywords: *Dusun, Kadazan, Kadazandusun, Kadazandusun Language Education, Sabah*

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	18
1.4 Soalan Kajian	20
1.5 Kepentingan Kajian	22
1.6 Skop Kajian	23
1.7 Sorotan Literatur Kajian	24
1.8 Metod Kajian	32
1.9 Pembahagian Bab	34
1.10 Kesimpulan	37
BAB 2: PENDIDIKAN BAHASA KADAZAN DAN DUSUN SEBELUM TAHUN 1994	
2.1 Pengenalan	39
2.2 Asal Usul Masyarakat Dusunik	39

2.3	Masyarakat Kadazan dan Dusun	43
2.4	Rumpun Keluarga Bahasa Dusunik	50
2.5	Perkembangan Pendidikan Masyarakat Kadazan dan Dusun Sebelum 1963	55
2.6	Perkembangan Pendidikan Masyarakat Kadazan dan Dusun Selepas 1963	62
2.7	Penggunaan Bahasa Kadazan dan Dusun dalam Pendidikan Sebelum 1994	63
2.8	Cabaran Pengajaran Bahasa Ibunda Sebelum Tahun 1994	77
2.9	Perancangan Pengajaran Bahasa Kadazandusun (BKD)	80
2.10	Kesimpulan	84

BAB 3: PENDIDIKAN BAHASA KADAZANDUSUN DI PERINGKAT SEKOLAH DI SABAH

3.1	Pengenalan	86
3.2	Cadangan Pengajaran Bahasa Kadazan	87
3.3	Dialek Asas BKD	88
3.4	Dasar dan Pelaksanaan BKD	93
3.5	Latihan Guru BKD	95
3.6	Struktur Kurikulum BKD	96
3.7	Isu Awal Pelaksanaan BKD di Sekolah Rendah	99
3.8	Pengajaran Rintis dan Pengajaran BKD di Sekolah Rendah	100
	3.8.1 Pengajaran BKD Tahun 1997 – 1999	101
	3.8.2 Pengajaran BKD tahun 2000 – 2004	105
3.9	Pengajaran BKD di Sekolah Menengah	107
	3.9.1 Pelaksanaan Percubaan dan Pelaksanaan Sebenar	113
	3.9.2 Pencapaian BKD Dalam Peperiksaan Awam	118
	3.9.3 Cabaran Guru Dalam Pengajaran BKD di Sekolah Menengah	120
3.10	Kesimpulan	121

BAB 4: PENDIDIKAN BKD DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT)

4.1	Pengenalan	123
4.2	Pelaksanaan Pendidikan BKD di UMS	123
4.3	Pelaksanaan Pendidikan BKD di UPSI	128
4.4	Pelaksanaan Pendidikan BKD di IPGM	131
4.4.1	Perkembangan Latihan Guru BKD di IPG	132
4.4.2	Struktur Program PPISMP dan PISMP	137
4.4.3	Pelaksanaan PPISMP dan PISMP BKD	148
4.4.4	Pelancaran PISMP BKD di IPGM	152
4.4.5	Pentadbir dan Pensyarah BKD di IPGM	154
4.4.6	Pencapaian Pelajar BKD di IPGM	156
4.4.7	Isu dan Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran BKD di IPGM	157
4.5	Latihan Guru BKD oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG)	163
4.6	Kesimpulan	167

BAB 5: PERANAN KOMUNITI KADAZANDUSUN DALAM PENDIDIKAN BKD

5.1	Pengenalan	168
5.2	Peranan Tokoh Politik Kadazandusun dalam Pendidikan BKD	172
5.2.1	Tan Sri Bernard Giluk Dompok	173
5.2.2	Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Datuk Kitingan	179
5.2.3	Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau	184
5.2.4	Datuk Mark Koding (Mendiang)	190
5.3	Peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Dalam Pendidikan BKD	191
5.3.1	Persatuan Kebudayaan Kadazandusun (KDCA)	192
5.3.2	Identiti Kadazandusun	194

5.3.3	United Sabah Dusun Association (USDA)	206
5.3.4	Pertubuhan Kadazan Sabah (KSS)	209
5.3.5	Kadazandusun Language Foundation (KLF)	214
5.4	Peranan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) dan Pusat Pembangunan Kurikulum (PPK/BPK)	219
5.5	Peranan Tadika Kadazandusun	225
5.6	Kesimpulan	228

BAB 6: CABARAN PEMBANGUNAN DAN HALA TUJU BKD

6.1	Pengenalan	230
6.2	Identiti Bangsa Masyarakat Kadazandusun	230
6.3	Identiti Bahasa Masyarakat Kadazandusun	232
6.4	Pengajaran BKD Piawai	234
6.5	BKD dalam Pendidikan	236
6.6	Pemantapan BKD dalam Pengajaran di Sekolah	239
6.7	Tenaga Pengajar BKD	241
6.8	BKD dalam Pendidikan Tinggi	245
6.9	BKD dalam Kurikulum IPGM	247
6.10	Peranan Komuniti Kepada BKD	253
6.11	Pendidikan BKD Digugat	262
6.12	Hala Tuju BKD	264
6.13	Kesimpulan	269

BAB 7: RUMUSAN

RUJUKAN 288

LAMPIRAN 317

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Mentera (Rinait)	64
Jadual 2.2 : Mentera Kadayan	65
Jadual 2.3 : Mentera (Rinait) Nabalu	65



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Peta Keluarga Bahasa di Sabah	53
Rajah 2.2 : Varian Dusunik	54
Rajah 3.1 : Pelaksanaan Sukatan BKD di Sekolah	116
Rajah 3.2 : Taburan Sekolah Menawarkan BKD	117
Rajah 4.1 : Kursus Tenaga Pengajar BKD	134
Rajah 4.2 : Pensyarah BKD IPG Zon Zabah	135
Rajah 4.3 : Nama dan Kod Kursus PPISMP BKD Jun 2012	137
Rajah 4.4 : Nama dan Kod Kursus PPISMP BKD Jun 2013	138
Rajah 4.5 : Kompetensi PEO	139
Rajah 4.6 : Hasil Pembelajaran Program (PLO)	140
Rajah 4.7 : Struktur Kurikulum PISMP	141
Rajah 4.8 : Nama dan Kod Kursus PISMP BKD Jun 2014	144
Rajah 4.9 : Nama dan Kod Kursus PISMP BKD Jun 2015	145
Rajah 4.10 : Pentaksiran Kursus PISMP	147
Rajah 4.11 : Senarai Nama Pelajar BKD Jun 2012	148
Rajah 4.12 : Senarai Nama Pelajar BKD Jun 2013	149
Rajah 4.13 : Senarai Nama Pelajar BKD Jun 2014	150
Rajah 4.14 : Senarai Nama Pelajar BKD Jun 2015	150
Rajah 4.15 : Pensyarah BKD IPGK Kent (2011 – 2015)	155
Rajah 4.16 : Pengajar BKD IPGK Keningau (2014-2015)	155
Rajah 5.1 : Klasifikasi Kadazandusun Mengikut Artikel 6 (1)	198
Rajah 5.2 : Klasifikasi Kadazandusun Mengikut KDCA 2017	200


SENARAI SINGKATAN

ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri
BBMTS	-	Bahasa Bumiputera Malaysia Timur – Sabah
BKD	-	Bahasa Kadazandusun
BPG	-	Bahagian Pendidikan Guru
BPK	-	Bahagian Perkembangan Kurikulum
BTP	-	Bahagian Teknologi Pendidikan
BTPNS	-	Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sabah
CLC	-	<i>Community Learning Centre</i>
DPLI	-	<i>Diploma Perguruan Lepas Ijazah</i>
EE	-	<i>External Examiner</i>
IEF	-	<i>Indep Education Foundation</i>
IKM	-	Institut Kemahiran Mara
ITM	-	Institut Teknologi Mara
INDEP	-	Institute For Indigenous Economic Progress
IPG	-	Institut Pendidikan Guru
IPGM	-	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JKP	-	Jawatankuasa Kurikulum Pusat
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
JKPA	-	Jawatankuasa Pembangunan Akademik
JPNS	-	Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
JSU	-	Jadual Spesifikasi Ujian
JU	-	Jurulatih Utama
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KDP	-	Kursus Dalam Perkhidmatan
KDCA	-	Kadazandusun Cultural Association
KLF	-	Kadazandusun Language Foundation
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia

KSS	-	Kadazan Society Sabah
MTE	-	<i>Mother Tongue Education</i>
MTM	-	<i>Mother Tongue Maintenance</i>
MQA	-	Malaysia Qualification Assurance
MQF	-	<i>Malaysian Qualifications Framework</i>
NVS	-	<i>Native voluntary Schools</i>
OBE	-	<i>Outcome Based Education</i>
PACOS	-	Pusat Badan Kerjasama Komuniti Sabah
PEO	-	<i>Programme Educational Objectives (PEO)</i>
PEF	-	<i>Progressive Education Foundation</i>
PEKADUS	-	Persatuan Pendidik Kadazandusun
PIBAGU	-	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PJKA	-	Pasukan Jaminan Kualiti Akademik
PLO	-	<i>Programme Learning Outcomes</i>
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
POL	-	<i>Pupil's Own Language</i>
PPD	-	Pejabat Pendidikan daerah
PPIB	-	Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
PPK	-	Pusat Perkembangan Kurikulum
PPT	-	Pemberi Pendidikan Tinggi merujuk kepada IPGM
PT3	-	Pentaksiran Tingkatan 3
SIL	-	<i>Summer Institute of Linguistic</i>
SMC	-	Sabah Medical Centre
SPA	-	Sektor Pengurusan Akademik
SPM	-	Sijil Peperiksaan Malaysia
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
USDA	-	United Sabah Dusun Association

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Perjanjian Perisytiharan BKD	317
Lampiran B : Perisytiharan Persetujuan BKD	319
Lampiran C : Dasar Pengajaran dan Pembelajaran BKD	322
Lampiran D : Sijil Akreditasi PISMP BKD	326
Lampiran E : Foto Informan	327



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini memberi tumpuan kepada menelusuri sejarah perkembangan pendidikan Bahasa Kadazandusun (BKD) yang bermula dengan pengajaran tidak formal kepada pengajaran formal di sekolah peringkat rendah, sekolah menengah, peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) iaitu universiti dan institut pendidikan guru (IPG) di Malaysia khususnya di Sabah dari tahun 1994 hingga 2018. Tempoh ini meliputi fasa perancangan, penggubalan kurikulum dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara formal BKD yang pertama di Malaysia dan kini lebih 22 tahun melakar sejarah dalam kurikulum pendidikan kebangsaan. Pendidikan BKD di Sabah telah bermula pada tahun 1994 secara informal. Usaha untuk mengangkat BKD sebagai satu mata pelajaran dalam pengajaran bahasa ibunda telah disuarakan dan dikemukakan oleh Datuk Bernard Giluk Dompok (kini Tan Sri), Ahli Parlimen P 174 Penampang dan juga Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) dalam permohonannya di Parlimen pada tahun 1994. Dompok menyuarakan hasratnya untuk meletakkan kedudukan BKD setaraf dengan Bahasa Iban di Sarawak.¹

Pada tahun berikutnya, satu Perjanjian Perisytiharan BKD sebagai bahasa rasmi di antara *Kadazandusun Cultural Association* (KDCA) dan *United Sabah Dusun Association* (USDA) telah dimeterai. Seterusnya persetujuan dicapai untuk menerima dialek Bunduliwan sebagai dialek piawai BKD. Walau bagaimanapun, dialek Bunduliwan ini menjadi isu penting yang masih tidak selesai dalam komuniti Kadazandusun. Pada tahun 1997, pengajaran dan pembelajaran BKD telah dilaksanakan untuk percubaan di beberapa sekolah rendah di negeri Sabah. Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil pelbagai langkah

¹ *Borneo Mail*, Kadazan/Dusun Language: PDS to push for classes in schools, 15 Jun 1994, hlm. 3.

termasuk membenarkan BKD diajar di lebih 100 sekolah rendah di negeri ini berkuatkuasa pada bulan Februari 1997.² Pada tahun 1998, perluasan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran BKD telah dilakukan ke daerah yang lain. Maka pada tahun 1999, perluasan sepenuhnya telah berjaya dilaksanakan di seluruh negeri Sabah. Seterusnya dikembangkan ke sekolah menengah melalui pengajaran rintis pada tahun 2006 dan dilaksanakan sepenuhnya di Tingkatan 1 pada tahun 2007. Pada tahun 2009, pelajar BKD telah menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR).³ Pada tahun 2011, peperiksaan mata pelajaran BKD telah ditawarkan dalam peperiksaan peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM).⁴ Pencapaian mata pelajaran ini dalam SPM adalah cemerlang.

Di peringkat IPT, beberapa universiti awam dan swasta telah menawarkan bahasa ini menjadi sebahagian daripada kurikulum elektif. Pada tahun 1998, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendahului usaha ini dengan mengiktiraf BKD sebagai salah satu daripada lima kursus elektif yang ditawarkan di bawah kendalian Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB).⁵ Di IPG, mata pelajaran BKD menjadi satu Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) bermula pada tahun 2012. Program latihan guru BKD melalui program PPISMP yang ditawarkan di IPG mulai diambil Jun 2012 bertujuan bagi melahirkan guru yang kompeten dalam penguasaan BKD dan sekaligus mampu mengendalikan pengajaran dan pembelajaran BKD dengan cemerlang.⁶ Ambilan pertama PPISMP BKD telah dimulakan di IPG Kampus Kent, Tuaran pada bulan Jun 2012 seramai 20 orang pelajar.⁷ Perkembangan ini telah membantu menyelesaikan masalah ketiadaan guru

² *New Sabah Times*, Kadazandusun language among the top now: CM, 07 Disember 1998, hlm. 3.

³ Surat Arahan Pelaksanaan Kurikulum BKD Tingkatan IV dan V. KP (PPK) 900-1/6/ Jld. 2 (10) bertarikh 26 November 2009, hlm. 1.

⁴ *Ibid*, hlm. 1.

⁵ *Borneo Mail*, Kadazandusun an optional subject at UMS, 11 Mac 1999, hlm. 8.

⁶ Kertas Cadangan Pelaksanaan Kurikulum BKD Bagi Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Akademik, Institut Pendidikan Guru (IPG) Induk, Cyberjaya bertarikh 10 Mei 2011.

⁷ Enrolmen Pelajar IPG Kampus Kent, Tuaran Tahun 2012.

BKD yang memiliki latihan bidang BKD di sekolah rendah di Sabah menjelang tahun 2018.

Walaupun perkembangan yang sangat positif berlaku setelah hampir 22 tahun pelaksanaan pengajaran BKD di sekolah di Sabah serta di IPT di Malaysia, sebilangan besar masyarakat khususnya ibu bapa pelajar dan murid yang mengikuti kursus atau mata pelajaran BKD tidak mengetahui dengan jelas sejarah dan perkembangan pendidikan BKD di Malaysia khususnya di Sabah. Meskipun anak-anak mereka terlibat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda/etnik tersebut, namun kurang mengetahui bagaimana sejarah kewujudan dan perkembangannya di sekolah, di universiti dan di IPG. Terdapat juga pihak berkepentingan (*stake holder*) khususnya dalam kalangan masyarakat Kadazan dan Dusun yang ingin mengetahui sejarah atau sekurang-kurangnya beberapa maklumat penting termasuklah penggunaan istilah 'Kadazandusun', penggunaan dialek utama dalam pengajaran dan pembelajaran BKD, dokumen perjanjian di antara KDCA dan USDA, kurikulum BKD, kepentingan pengajaran dan pembelajaran BKD, pencapaian dan kejayaan dalam pendidikan BKD, isu dan cabaran yang dihadapi serta hala tuju BKD di masa depan. Masyarakat juga ingin mengetahui pihak yang terlibat dengan perancangan, pengubalan kurikulum, pelaksanaan dan pembangunan pendidikan BKD tidak kira individu, pertubuhan dan organisasi termasuklah tokoh politik, pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS), pensyarah universiti dan IPG, guru dan pelajar serta murid BKD. Kajian ini telah membuat penelitian lebih mendalam terhadap isu dan cabaran utama yang dihadapi sejak kurikulum BKD dirancang untuk diperkenalkan sebagai bahasa ibunda di sekolah pada tahun 1997 sehinggalah kumpulan pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) bidang BKD yang pertama di IPG menamatkan latihan ijazah keguruan mereka pada akhir tahun 2017. Kumpulan pelajar yang dimaksudkan ini merujuk kepada sejumlah pelajar yang telah mengikuti pengajaran dan pembelajaran BKD dari sekolah rendah ke sekolah menengah, menduduki peperiksaan PMR dan SPM seterusnya mengikuti latihan keguruan bidang BKD di IPG sebelum ditempatkan di sekolah rendah di seluruh Sabah sebagai guru siswazah pengkhususan BKD yang pertama pada tahun 2018.

1.2 Permasalahan Kajian

Sejak awal pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran BKD, telah berhadapan dengan beberapa isu dan cabaran seperti pengajaran di luar waktu jadual persekolahan, guru kurang mahir dalam bidang bahasa tersebut, motivasi murid yang rendah kerana kurang sokongan ibu bapa, kurang diberi keutamaan oleh pihak pentadbir sekolah dan kekurangan buku atau bahan rujukan yang sesuai.⁸ Selain daripada itu, terdapat satu isu utama yang sering ditimbulkan dan sehingga kini masih hangat dipertikaikan sama ada di dalam perhimpunan, mesyuarat, kursus-kursus, seminar-seminar mahupun di akhbar-akhbar. Isu tersebut berkait rapat dengan dua dokumen penting yang telah dimeterai oleh KDCA dan USDA pada tahun 1995 iaitu dokumen Perjanjian Perisytiharan BKD Sebagai Bahasa Rasmi bertarikh 24 Januari 1995 dan dokumen Perisytiharan Persetujuan Dialek Bunduliwan Sebagai Dialek Asas Pemiawaian Dan Pembakuan BKD bertarikh 11 April 1995.⁹ Meskipun pengajaran dan pembelajaran BKD di peringkat sekolah rendah, menengah dan IPT telah berlangsung selama lebih 22 tahun dan telah menempa kejayaan khususnya dalam prestasi peperiksaan dan bilangan graduan, namun masih timbul pertikaian dan perbincangan beberapa isu berkaitan dokumen tersebut yang belum berakhir. Isu yang berlarutan ini merupakan cabaran utama yang terpaksa dihadapi oleh pelbagai pihak dalam komuniti Kadazandusun kerana terpaksa berdepan dengan individu, kumpulan dan persatuan yang tidak berpuas hati dan meragui beberapa perkara berkaitan kedua-dua dokumen tersebut. Misalnya, isu berhubung dialek piawai yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran BKD sangat ketara dipersoalkan tentang kesahan dan kesesuaian penggunaannya. Di peringkat JPNS, isu penggunaan dialek piawai iaitu Bunduliwan dalam pengajaran dan pembelajaran sering diutarakan oleh guru yang kurang bersetuju dengan pemilihan istilah dalam penulisan buku teks yang dikatakan kurang menepati syarat dialek tersebut. Isu tersebut reda seketika apabila Pegawai Eksekutif *Kadazandusun Language Foundation* (KLF), Puan Rita Lasimbang selaku Pakar Rujuk BKD menjelaskan

⁸ Lasimbang, R. The Problems and Prospects Facing Kadazandusun Mother Tongue Education, *Seminar on Mother Tongue Education of Ethnic Minorities in Malaysia: Problems and Prospects*, Kuala Lumpur, 1 – 2 November 1997, hlm. 4.

⁹ Dokumen Perisytiharan BKD Sebagai Bahasa Rasmi bertarikh 24 Januari 1995 dan dokumen Perisytiharan Persetujuan Dialek Bunduliwan Sebagai Dialek Asas Pemiawaian Dan Pembakuan BKD di antara Kadazandusun Cultural Association (KDCA) & United Sabah Dusun Association (USDA) bertarikh 11 April 1995.

bahawa usaha memilih dan menentukan dialek yang sesuai digunakan dalam pengajaran di sekolah merupakan satu cabaran besar yang mereka hadapi sewaktu memulakan penggubalan kurikulum BKD. Dialek yang dipilih haruslah mampu menghubungkan dialek-dialek yang dituturkan oleh komuniti Kadazandusun di seluruh daerah di Sabah meskipun tidak dapat memuaskan hati semua orang. Akhirnya, dialek Bunduliwan juga dipilih kerana hampir sama dengan bahasa Kadazan dan bahasa Dusun.¹⁰

Pakar Linguistik seperti Rita Lasimbang sewajarnya dapat meyakinkan ramai pihak untuk menerima dialek Bunduliwan sebagai dialek piawai BKD yang sesuai digunakan dalam pengajaran rasmi di sekolah. Menurut Rita, BKD telah melalui satu transformasi istilah pembakuan perkataan dengan menambahkan perkataan-perkataan baru dalam perbendaharaan katanya. Proses pembakuan perlu melalui satu transformasi yang besar serta tempoh yang panjang sebagaimana yang berlaku terhadap Bahasa Melayu yang kini telah berusia lebih 50 tahun. Namun demikian, penjelasan Rita disangkal oleh Sylvester Disimon, Timbalan Presiden dan juga Ahli Majlis Tertinggi *Kadazan Society Sabah* (KSS) yang mengatakan Bunduliwan adalah bahasa 'rojak' kerana ia merupakan campuran bahasa Kadazan dari Penampang, bahasa Bundu dari Ranau dan bahasa Liwan dari Keningau.¹¹ Penggunaan bahasa 'rojak' ini dalam pengajaran BKD di sekolah akan mengelirukan pelbagai pihak khususnya murid dan ibu bapa. Misalnya pemilihan perkataan '*Tontolu*' untuk nama hari Isnin yang bermaksud 'telur' dan perkataan '*Mirod/Mi'od*' yang bermaksud 'melakukan pergerakan yang menyenangkan badan seseorang' tidak sesuai sama sekali diberikan makna 'Selasa' dalam Bahasa Melayu. Sylvester Disimon juga berpendapat bahawa penggunaan dialek Bunduliwan dalam pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja kurang difahami malah menimbulkan kekeliruan kepada murid sekolah di daerah Penampang.¹² Isu Bunduliwan dalam pembakuan BKD ini sangat menarik untuk dikaji dengan lebih teliti dan mendalam bagi mendapatkan kesahihannya.

¹⁰ *Daily Express*, Kadazandusun language in schools, 29 Mei 2014, hlm. 6.

¹¹ *Ibid*, hlm. 6.

¹² *Daily Express*, Challenges Facing Bundu-Liwan, 27 September 2018, hlm. 8.

Meskipun berhadapan dengan isu berkaitan pemilihan dialek piawai dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut di sekolah, pengajaran dan pembelajaran BKD terus berkembang dari sekolah rendah ke sekolah menengah sehinggalah ke IPT. BKD terus menjulang di IPG apabila PISMP BKD dilancarkan oleh Tan Sri Joseph Pairin Kitingan, Timbalan Ketua Menteri, Sabah merangkap Presiden KDCA pada 04 November 2014 di Hotel Sabah Oriental, Kota Kinabalu.¹³ Dalam ucapan perasmianya, beliau telah menyatakan perasaan amat gembiranya kerana hasrat untuk menawarkan PISMP BKD di IPG akhirnya dapat direalisasikan melalui usaha gigih dan perjuangan komuniti yang berterusan. Kumpulan pertama bakal guru BKD yang akan bergraduasi pada akhir tahun 2017 merupakan guru BKD berkelulusan ijazah dalam bidang BKD yang kompeten dan berketrampilan mengajar bahasa tersebut. Pada tahun 2017, seorang pensyarah akademik kumpulan pertama bakal guru BKD yang mengakui dirinya terlibat sepenuhnya dengan proses perancangan, penggubalan kurikulum dan pelaksanaan pengajaran BKD sejak di sekolah sehingga ke peringkat pengajian tinggi mengakui bahawa kurikulum BKD merupakan satu permulaan yang baik untuk bahasa etnik Kadazandusun. Beliau juga turut menyatakan sokongannya terhadap setiap usaha pengembangan dan pelestarian bahasa etnik di Sabah seperti membuka kelas *tuition*, mengadakan kem dan minggu bahasa, membina kamus bahasa serta memodenkan lagu-lagu dalam BKD. Malah beliau juga berasa amat gembira apabila semakin ramai orang yang berminat untuk mengajarkan bahasa tersebut kepada orang lain.¹⁴

Sebaliknya pada tahun 2018, Evelyn, seorang pendidik BKD yang terlibat secara langsung dalam perancangan, penggubalan dan pelaksanaan kurikulum BKD mengejutkan ramai pihak dalam komuniti Kadazandusun dengan kenyataannya dalam akhbar yang bercanggah dengan kenyataannya sebelum ini dalam akhbar pada tahun 2017. Dalam akhbar Daily Express bertarikh 29 September 2018, beliau menyatakan bahawa bahasa yang digunakan dalam mata pelajaran BKD di sekolah sebenarnya melanggar Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan bukannya bahasa ibunda yang asli untuk kebanyakan kaum di Sabah serta dialek campuran.¹⁵

¹³ *New Sabah Times*, 20 guru BKD bakal ditempatkan di sekolah rendah mulai Januari 2018, 05 November 2014, hlm. 4.

¹⁴ *Daily Express*, Kadazandusun curriculum good start for the language bertarikh 30 July 2017, hlm. 10.

¹⁵ *Harian Ekspres*, Bahasa Bundu-Liwan langgar Akta Pendidikan: Evelyn, 29 September 2018, hlm. 3.

Pendedahan beliau ini dibuat selepas Pilihanraya Ke-14 apabila menemui dokumen berkaitan yang didakwa disembunyikan dalam fail pihak berkaitan. Dokumen tersebut didakwa jelas membuktikan bahawa bahasa Bunduliwan tidak dinyatakan dan sepatutnya tidak harus digunakan sejak awal lagi kerana ia melanggar Akta Pendidikan. Kenyataan beliau bukan sahaja menggugat kedudukan BKD dalam kurikulum kebangsaan malah turut menyangkal kenyataan terdahulu Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau yang menyatakan bahawa tiada sebarang kekeliruan mengenai bahasa etnik iaitu Bunduliwan untuk digunakan dalam pengajaran rasmi BKD di sekolah kerana telah dipersetujui oleh kedua-dua persatuan itu sejak tiga dekad yang lalu.

Isu yang sama juga dijelaskan oleh Datuk Seri Wilfred Madius Tangau, Timbalan Ketua Menteri Sabah sewaktu menerima kunjungan hormat Pengerusi Kelab BKD Kolej Sidma Sabah, Dr Mornie Kambrie berserta rombongan di pejabatnya. Beliau menegaskan bahawa keputusan untuk menggunakan dialek Bunduliwan telah dipersetujui antara dua persatuan Kadazandusun utama iaitu KDCA dan USDA hasil daripada resolusi yang dicapai semasa satu simposium anjuran KCA (kini KDCA) di Hotel Perkasa di Kundasang pada tahun 1998.¹⁶ Wilfred Madius juga memberitahu bahawa beliau selaku Pengerusi Biro Bahasa dan Sastera KCA pada ketika itu perlu menganjurkan simposium yang dihadiri oleh majoriti pihak berkepentingan untuk mencapai kesepakatan memilih dialek daripada lebih 30 dialek berbeza yang dituturkan dalam kalangan suku Kadazandusun untuk digunakan dalam pengajaran BKD di sekolah. Dialek Bunduliwan telah dipilih sebagai dialek piawai dan bahasa rasmi akan dinamakan sebagai BKD yang menggabungkan dua perkataan iaitu 'Kadazan' dan 'Dusun' menjadi satu perkataan iaitu Kadazandusun.

Berdasarkan keterangan dalam senario ini, sepatutnya isu pemilihan dialek ini telah lama selesai tetapi sehingga kini masih juga ditimbulkan malah memberi cabaran kepada tokoh-tokoh-politik tempatan dan persatuan-persatuan komuniti Kadazandusun untuk mencari penyelesaian. Apakah sebenarnya yang berlaku dalam komuniti Kadazandusun semasa memilih dan menentukan dialek rasmi BKD sehinggakan isu ini berlarutan dalam tempoh tiga dekad? Jika benar isu ini telah diselesaikan sejak tiga dekad yang lalu dan masih berlarutan, nampaknya masyarakat

¹⁶ *Daily Express*, Bundu-Liwan decision stays, 25 September 2018, hlm. 3.

Kadazandusun tidak mempelajari sejarah masa lalunya sedangkan kejadian masa lalu sepatutnya memberi petunjuk untuk mengendalikan masa kini dan akan datang dengan lebih baik dan bermakna. Syihron al-Khatib, atau Cicero, seorang ahli politik dan falsafah Romawi Purba pernah mengatakan bahawa "...dan barang siapa tidak mengetahui, atau mempelajari sejarah, maka ia adalah biadab". Kajian ini penting untuk merungkai isu tersebut di sebalik pencapaian dan kejayaan BKD agar dapat memperoleh maklumat-maklumat sebenar daripada pelbagai pihak dan sudut pandang.

Isu BKD dan dialek Bunduliwan melanggar Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) bukan sahaja mencabar tokoh politik yang memegang jawatan kedua tertinggi di negeri Sabah malah telah mengundang reaksi panas daripada dua persatuan utama komuniti Kadazandusun iaitu KDCA dan USDA. Setiausaha Agung KDCA, Datuk Ir. John Anthony dan Setiausaha Agung USDA, Bobby Lewat serta Setiausaha Eksekutif KDCA, Benedict Topin dalam satu kenyataan akhbar telah menyangkal semua kenyataan mencabar oleh Evelyn dengan menunjukkan kedua-dua dokumen berkaitan BKD dan dialek Bunduliwan yang telah dimeterai pada tahun 1995. KDCA dan USDA mempertahankan penggunaan Bunduliwan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah kerana dialek itu mempunyai penutur paling ramai dalam keluarga BKD sepertimana yang telah diputuskan oleh pakar bahasa iaitu *Summer Institute Linguistic* (SIL), sebuah pertubuhan yang berkhidmat untuk pelestarian bahasa komuniti di seluruh dunia. Mereka juga meragui dakwaan Evelyn yang menyatakan bahawa pengajaran bahasa Bunduliwan di sekolah adalah bertentangan dengan Akta Pendidikan kerana pihak KPM dan JPNS tidak pernah membangkitkan isu kesahihannya.¹⁷ Percanggahan penyataan Evelyn dengan dua persatuan yang bertanggungjawab menjaga kepentingan masyarakat Kadazandusun ini telah menimbulkan ketegangan hubungan di antara beberapa persatuan komuniti Kadazandusun khususnya KDCA, USDA dan KSS. Ketegangan yang timbul dalam aspek bahasa merupakan satu cabaran besar kepada pihak yang telah merancang, menggubal kurikulum serta melaksanakan pengajaran dan pembelajaran BKD yang kini telahpun mencapai satu tahap yang tinggi dan membanggakan. Kajian sejarah analisis dokumen yang teliti dan saintifik amatlah penting untuk mendapatkan fakta-

¹⁷ *Daily Express*, Dialek Bundo-Liwan paling ramai penutur: KDCA, USDA bertarikh 15 Oktober 2018, hlm. 2.